



ZULKIFLI JANTAN



MAIMON TAIB



HISHAM NORDIN

Keputusan Kabinet wajar

BH 22 JUL 1989

KUALA LUMPUR, Jumaat — Orang ramai terutama pekerja di Wilayah Persekutuan gembira dengan keputusan Kabinet menarik semula keputusan membatalkan 1 Februari — Hari Wilayah Persekutuan, sebagai cuti am.

Mereka menyifatkan keputusan itu sebagai wajar kerana Wilayah Persekutuan kurang cuti am, berbanding negeri lain.

Encik Zulkifli Jantan, 26, berkata kerajaan sepatutnya mengekalkan cuti itu kerana hari itulah yang meningkatkan wargakota mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan.

"Kita tidak mempunyai peluang merayakan hari keputeraan sultan atau hari perayaan kaum tertentu kerana Wilayah Persekutuan tidak mempunyai cuti am yang lain," katanya.

Beliau juga mencadangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyambut secara besar-besaran Hari Wilayah Persekutuan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan wargakota supaya menghargai kewujudan bandaraya.

Keputusan membatalkan Hari Wilayah Persekutuan sebagai cuti am diketahui umum apabila Bahagian Kabinet, Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan surat peke-

liling bertarikh 6 Julai.

Semalam, Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Encik Othman Abdul, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu mesyuarat itu bahawa Kabinet menarik balik keputusan awalnya.

Mesyuarat

Pekerja syarikat swasta, Puan Maimon Taib, berterima kasih kepada kerajaan kerana membatalkan keputusan awal itu bagi membolehkan wargakota menyambut Hari Wilayah.

"Lagipun terasa janggal pula kerana bertahun-tahun kita selalu bercuti ketika menyambut Hari Wilayah, tiba-tiba kali ini terpaksa bekerja," katanya.

Encik Hisham Nordin, 17, gembira kerana cuti itu dikekalkan. Ini kerana sudah menjadi kebiasaan setiap cuti Hari Wi-

layah, beliau akan berkelah atau berkhemah bersama rakannya.

"Tahun lalu, kami berkelah di Port Dickson," katanya.

Encik Rahim Othman, 23, berkata pada kebiasaannya, beliau dan rakannya berniaga secara sambilan untuk menambah pendapatan ketika cuti umum atau hujung minggu.

"Pada hari itulah saya bersama rakan berniaga air batu dan buah-buahan untuk menampung pendapatan daripada bekerja di kilang," katanya.

Encik Mohd Ikwam Ali, 21, juga mencadangkan supaya kegiatan menyambut Hari Wilayah Persekutuan diperbanyakkan bagi memastikan cuti am itu lebih bermakna kepada wargakota.

"Jika banyak kegiatan yang diatur, hari cuti ini tidak lagi menjadi seperti cuti am lain," katanya.